

KUKUM PANTAU PILIHANRAYA UMUM KE-11

31 orang kakitangan KUKUM dari pelbagai jawatan dan jabatan telah terlibat secara langsung sebagai Pasukan Pemantau untuk pilihanraya umum ke-11 bagi IPTA peringkat negeri Perlis. Mereka yang dilantik ini akan menjalankan tugas selama dua minggu bermula 10 Mac yang lalu.

Antara tugas pemantau pilihanraya ialah memastikan semua pelajar dan kakitangan IPTA tidak terlibat dalam sebarang kegiatan mana-mana parti politik termasuklah menyokong, menunjuk simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik dan segala aktiviti seumpamanya. Lt. Kol. Prof Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM sendiri telah dilantik sebagai Pengerusi Pasukan Pemantau pilihanraya umum ke -11 IPTA bagi peringkat zon Perlis.